

# Kerajaan timbang tuntutan Cuepacs

BH - 25/2/2007.

## Alasan kukuh minta naik gaji kakitangan awam: TPM

Mahfar Ali  
di Makkah



**D**ATUK Seri Najib Razak berkata kerajaan sedang menimbang dengan serius tuntutan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung kenaikan gaji kakitangan awam, terutama kumpulan rendah kerana mereka mempunyai alasan kukuh.

Timbalan Perdana Menteri ba-

gaimanapun berkata, kerajaan memerlukan sedikit masa untuk mengkaji tuntutan Cuepacs itu kerana membabitkan pertambahan perbelanjaan mengurus.

"Memang ada justifikasi untuk kerajaan mengkaji tuntutan Cuepacs, terutama gaji kakitangan kumpulan rendah, tetapi kita memerlukan masa," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas perkembangan Memorandum Semakan Gaji Anggota Sektor Awam yang dihantar Cuepacs menuntut semakan gaji antara lima hingga 40 peratus bagi 1.2 juta kakitangan awam.

“Memang ada justifikasi untuk kerajaan mengkaji tuntutan Cuepacs, tetapi kita perlukan masa”

Najib Razak  
Timbalan Perdana Menteri

Cuepacs dalam tuntutan itu menyatakan kenaikan gaji wajar diberikan kerana kira-kira 600,000 kakitangan sokongan mungkin berada di bawah paras kemiskinan jika kerajaan tidak membuat semakan gaji dalam tempoh tiga tahun daripada sekarang.

Pada 17 Februari lalu, Presiden Cuepacs, Omar Osman berkata, pihaknya akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 6 Mac ini, bagi mengetengahkan lima isu utama berkaitan kakitangan awam.

LIHAT MUKA 2

# Isu gaji bela kebajikan pekerja awam

DARI MUKA 1

Perkara yang dibincangkan selain semakan gaji kakitangan awam kali terakhir dibuat 14 tahun lalu, ialah menambah jumlah kakitangan awam, lanjutan umur bersara, pencen mengikut tempoh perkhidmatan dan pemansuhan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Omar berkata, isu gaji itu penting untuk membela kebajikan pekerja awam supaya mereka lebih bersemangat dan memberi komitmen penuh kepada tugas dan membanteras budaya rasuah kerana melaluinya ia dapat meningkatkan sumber pendapatan.

Mengenai tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya kerajaan memperkenalkan gaji permulaan bagi pekerja sektor swasta, Najib berkata, kerajaan tidak boleh terburu-buru melaksanakannya kerana mempunyai implikasi terhadap ekonomi negara.

Najib yang tiba di sini kelmarin bagi lawatan kerja seminggu ke Arab Saudi, berkata kerajaan menganggap dasar itu tidak sesuai dan berpendapat lebih baik sektor swasta diberi peluang menentukan gaji permulaan berdasarkan permintaan dan penawaran.

"Asas pertimbangan kita ialah tidak mahu menjadikan Malaysia tidak kompetitif kerana ia menyebabkan kos menjalankan perniagaan bertambah," katanya.

Bagaimanapun, Najib berkata, kerajaan sedia mengkaji memorandum MTUC berhubung perkara itu.

"Kita bersikap terbuka dengan semua pihak, termasuk kesatuan sekerja dan jika alasan dikemukakan munasabah, kita sedia menimbanginya," katanya.

Mengenai cadangan kerajaan mengharamkan program *Sensasi* di televisyen, Najib berkata, rancangan seumpama itu boleh diadakan, tetapi pihak terbabit mesti berhati-hati dan tidak menyentuh perkara yang boleh mencetuskan kontroversi.

"Kita nak program yang diktakan sensasi tidak sentuh perkara yang boleh timbulkan kontroversi atau sensitiviti kaum dan agama.

"Kandungannya seperti gaya dan percakapan mereka mesti mengambil kira keadaan di negara kita," katanya.